

Esa, Ahmad and Mohd Yunos, Jailani and Ab. Hadi, Mohd Yusop (2002). Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing Ke-2. Kuala Lumpur: DBP. PP 35-48. 98329664322

**KEPERKASAAN BAHASA MELAYU DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL: SATU KAJIAN KES DI INSTITUSI
PENDIDIKAN TEKNIKAL DI MALAYSIA.**

Ahmad bin Esa
Jailani bin Mohd. Yunus (Phd)
Mohd. Yusop bin Ab. Hadi

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO)
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
(Tel.: 607-4536822/Fax.: 6074546090, E-mel: aneh98@hotmail.com)

Abstrak:

Era globalisasi dan liberalisasi memberi impak kepada dominasi bahasa asal sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu seakan terpinggir kepentingannya terutama di institusi pendidikan teknikal dek justifikasi kurangnya kemampuan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian kurikulum. Lontaran idea sedemikian sekaligus mewujudkan sindrom ketidakyakinan ahli akademik Melayu terhadap khazanah bangsa. Ironinya, orang luar pula mengiktiraf keperkasaan bahasa Melayu sebagai wacana ilmu seperti diutarakan oleh Collins (2000) iaitu bahasa Melayu berpotensi menjadi bahasa berwibawa. Kelangsungan daripada pandangan tersebut, difikirkan satu keperluan untuk mengenal pasti keperkasaan bahasa Melayu menjadi wacana ilmiah di sesebuah institusi pendidikan teknikal. Kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya!

1.0 PENGENALAN

Dalam menangani cabaran memperkasa bahasa Melayu merentas era globalisasi dan liberalisasi, pelbagai usaha telah dijana terutamanya oleh agensi Dewan Bahasa dan Pustaka dan individu tertentu untuk mengekalkan bahasa tersebut sebagai wacana ilmu. Nor Shah Mohamed (2001), menegaskan evolusi bahasa Melayu berkembang sejajar dengan perkembangan dan kemajuan keilmuan. Ini bermaksud keperkasaan sesuatu bahasa berkait dengan sejauh mana penggunaannya dalam sesuatu disiplin ilmu.

Menginsafi kewujudan hubungan tersebut, pelbagai aktiviti direncana dan direalisasikan di Malaysia, terutamanya dalam konteks 'memelayukan' bidang-bidang ilmu yang berkaitan dengan kejuruteraan, teknik dan vokasional, kedoktoran, perakaunan dan undang-undang. Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1990), menyatakan perancangan

bahasa Melayu melalui tiga kegiatan iaitu penyeragaman, pemupukan dan penilaian. Menerusi kegiatan pemupukan, usaha-usaha untuk mengembangkan bahasa Melayu memerlukan keadaan saling terjemah dengan beberapa bahasa moden dan penekanannya difokuskan kepada istilah-istilah baru, khususnya dalam bidang-bidang teknikal. Pandangan tersebut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Norizah Ardi (2000), yang mendapati seramai 60 orang responden bersetuju 100% kegiatan penterjemahan menjadi keperluan utama di kalangan peguam.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan Istilah Kejuruteraan (1997) dan yang terkini pada tahun 2000, Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan Ensiklopedia Sains dan Teknologi.

Senario yang dilontarkan pada awal penulisan ini sebenarnya sekadar memberi beberapa cebisan contoh betapa di Malaysia, kasad memperkasa dan melestarikan bahasa Melayu bukan sekadar retorik. Ironinya wujud juga ketidakyakinan akan potensi bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu apatah lagi menjadi medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti di bidang teknik dan vokasional. Oleh itu, hala tuju kajian yang dijalankan adalah menemukan jawapan bagi ketidakpastian dan keraguan yang bukan sahaja berada dalam lingkaran khalayak massa tetapi ilmuan dan sarjana Melayu sendiri.

2.0 LATAR KAJIAN.

Sejajar dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan yang di nobatkan menerusi Perkara 152 Perlembagaan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia, termasuk Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO) menggunakan bahasa Melayu dalam kurikulum yang dijalankan tanpa mengambil kira disiplin ilmu yang menjadi teras identiti institusi. Antara halangan yang sering dikenal pasti membataskan daya upaya bahasa Melayu menjadi perkasa terutamanya dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, teknikal dan vokasional ialah disiplin tersebut diangkat daripada barat yang sekaligus membawa iklim bahasa Inggeris ke kancah khalayak Malaysia.

Antara usaha yang dijana untuk mengatasi keterbatasan tersebut ialah berusaha menyampaikan kurikulum bidang profesional menggunakan bahasa ibunda dan menerbitkan buku-buku karya asli dan terjemahan. Dalam kurikulum Pendidikan Teknik

dan Vokasional di KUiTTTHO di samping mengekalkan buku-buku rujukan dalam bahasa Inggeris, buku-buku karya asli dan terjemahan turut digunakan dalam kurikulum yang dilaksanakan. Contohnya diringkaskan seperti berikut,

Jadual 1. Kurikulum Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dan Buku-Buku Rujukan Berbahasa Melayu.

Kursus	Nama Buku	Nama Penulis	Penerbit	Tahun
Ilmu Ukur	Ilmu Ukur Untuk Jurutera	Kamaruzaman bin Abd. Rashid	Universiti Teknologi Malaysia	1993
Pangaturcaraan Komputer	Pengenalan Pengaturcaraan C	Mohamad Zamberi bin Saad Ku Ruhana Ku binti Mahamud Norita binti Md. Norwawi.	Universiti Utara Malaysia	1999
Teknologi Penyejukan Dan Penyaman Udara 1	Teknologi Penyejukan Dan Penyaman Udara	Hamdan bin Ali Shawaludin Md. bin Aris Mat Misiah bin Ayob	Edusystem Sdn. Bhd.	1996
Teknologi Automotif 2	Pengenalan Kepada Enjin Pembakaran Dalam	Richard Stone (Diterjemah oleh Khalid bin Hasnan)	Universiti Teknologi Malaysia	1997
Lukisan Berkaitan Pemesinan	Lukisan Geometri	Md. Nasir bin Abd. Manan	International Book Service	1997
Struktur Dan Binaan	Pengenalan Analisis Struktur	Zulkifli Md. Salleh	Dewan Bahasa dan Pustaka	1991

Oleh itu difikirkan perlunya satu kajian dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan iaitu sejauh manakah tahap penerimaan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kurikulum mereka? Apakah terdapat masalah-masalah apabila menggunakan bahasa Melayu? Adakah mereka memahami istilah-istilah teknikal yang menggunakan bahasa Melayu dan sejauh manakah tahap kesedaran mereka untuk memperkasa bahasa Melayu dalam kurikulum teknik dan vokasional?

3.0 OBJEKTIF

Objektif kajian adalah seperti berikut,

- a) Mengenal pasti tahap penerimaan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- b) Mengenal pasti masalah-masalah yang mereka hadapi apabila bahasa Melayu digunakan dalam kuliah kursus-kursus teknikal.
- c) Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap istilah-istilah teknikal dalam bahasa Melayu.
- d) Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional terhadap tanggungjawab memperkasa bahasa Melayu.
- e) Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar berlainan jantina, pengkhususan (minat), tahap pencapaian bahasa Melayu peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan bangsa terhadap penerimaan, masalah-masalah, kefahaman terhadap istilah- istilah teknikal dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kursus yang diikuti.

4.0 HIPOTESIS KAJIAN

- a) H_0 : Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik berlainan jantina, tahap pencapaian dan bangsa terhadap penerimaan, masalah, kefahaman istilah teknikal dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kursus yang diikuti.
- b) H_0 : Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik berlainan pengkhususan (minat) terhadap penerimaan, masalah, kefahaman istilah teknikal dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kursus yang diikuti.

5.0 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah seperti berikut,

- a) Kajian ditumpukan kepada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional, tahun 2, semester 1, sesi 2002/2003.

- b) Tahap penerimaan, masalah-masalah dan kesedaran dalam menggunakan bahasa Melayu berdasarkan item-item yang dikemukakan di dalam borang soal selidik.
- c) Faktor-faktor berkaitan dengan kefahaman istilah teknikal hanya berdasarkan lima belas istilah yang dikemukakan di dalam borang soal selidik.

6.0 METODE KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah kajian kes yang melibatkan seramai 54 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pemilihan mereka sebagai responden difikirkan sesuai memandangkan mereka adalah pelajar perintis Program Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional dan kurikulum yang digubal menggunakan bahasa Melayu. Perincian responden seperti di dalam jadual berikut,

Jadual 2: Latar Belakang Responden.

	Jumlah	Peratus
Jantina:		
Lelaki	13	24.1
Perempuan	41	75.9
Pengkhurusan (Bidang yang diminati):		
Awam	17	31.5
Elektrik	20	37.0
Mekanikal	17	31.5
Pencapaian Bahasa Melayu (SPM):		
Cemerlang	20	37.0
Lulus	34	63.0
Bangsa:		
Melayu	42	77.8
Bukan Melayu	12	22.2

Instrument kajian ialah soal selidik yang mengandungi lima belas pernyataan berkaitan penerimaan, masalah-masalah yang dihadapi dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu dan lima belas istilah teknikal berkaitan bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal yang dipetik daripada Istilah Kejuruteraan (1997) bagi mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap istilah-istilah teknikal dalam bahasa Melayu. Skala Likert digunakan untuk mengukur kecenderungan maklum balas responden seperti jadual berikut,

Jadual 3: Skala Likert.

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju

Data-data dianalisis menggunakan program SPSS versi 10. Statistik deskriptif (analisis min) digunakan untuk mengenal pasti tahap penerimaan, masalah-masalah yang dihadapi dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu di bidang teknik dan vokasional. Tafsiran min diringkaskan menerusi jadual berikut,

Jadual 4: Tafsiran Min

Skor Min	Tafsiran
1.0 – 2.3	Tidak Setuju/Tidak Faham
2.4 – 3.7	Kurang setuju/Kurang Faham
3.8 – 5.0	Setuju/Faham

Sumber: Diubahsuai daripada Lendell K (1997)

Bagi mengenal pasti tahap perbezaan pandangan, analisis Ujian T dan Anova Sehalah telah digunakan dengan paras keertian (α) 0.05%.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah seperti berikut,

a) Penerimaan Pelajar Sarjana Muda Teknik dan Vokasional Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.

Jadual 5: Analisis Min Tahap Penerimaan Pelajar Sarjana Muda Teknik dan Vokasional Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran..

Item	Min	Sisihan Piawai
Menyukai penggunaan bahasa Melayu dalam kuliah yang dijalankan.	4.59	.50
Bahasa Melayu sesuai menjadi medium pengajaran dan pembelajaran kursus teknikal.	4.30	.69
Penggunaan bahasa Melayu oleh pensyarah mewujudkan situasi yang selesa.	4.48	.50
Menyokong penggunaan bahasa Melayu dalam kuliah yang dijalankan.	4.57	.50
Bahasa Melayu memudahkan pemahaman konsep bidang teknikal.	4.26	.83
Min dan sisihan piawai keseluruhan	4.4407	.4652

Daripada Jadual 5, didapati min keseluruhan ialah 4.4407 dan ini menunjukkan responden menerima penggunaan bahasa Melayu dalam Program Pendidikan Teknik dan Vokasional. Analisis min bagi setiap item menunjukkan nilai min berada dalam lingkungan 4.26 hingga 4.59 dan ini bererti responden bersetuju dengan setiap item yang dikemukakan di dalam soal selidik. Sisihan piawai bagi semua item ialah 0.4652 iaitu kurang daripada 1 dan ini bermaksud maklum balas responden adalah terfokus kepada skala bersetuju terhadap penggunaan bahasa Melayu.

b) Masalah-Masalah Yang Dihadapi Apabila Bahasa Melayu Digunakan Dalam Kursus-Kursus Teknikal.

Jadual 6: Analisis Min Masalah-Masalah Yang Dihadapi Apabila Bahasa Melayu Digunakan Dalam Kursus-Kursus Teknikal.

Item	Min	Sisihan Piawai
Kurang buku bahasa Melayu dalam bidang teknik dan vokasional	3.35	1.07
Konsep teknik dan vokasional yang diterangkan dalam bahasa Melayu sukar difahami.	2.24	.70
Pensyarah tidak memahami penerangan lisan pelajar yang menggunakan bahasa Melayu.	2.57	.63
Konsep teknik dan vokasional dalam bahasa Melayu tidak memberi penjelasan yang tepat berbanding bahasa Inggeris.	2.59	.92
Pensyarah tidak memahami jawapan bertulis pelajar yang menggunakan bahasa Melayu.	2.37	.78
Min dan sisihan piawai keseluruhan	2.6259	.6559

Merujuk kepada Jadual 6, responden didapati tidak bersetuju dengan pernyataan konsep teknik dan vokasional yang diterangkan dalam bahasa Melayu sukar difahami (min 2.24) manakala bagi empat item yang lain responden menyatakan kurang bersetuju (min antara 2.37 hingga 3.35). Terdapat empat item yang mempunyai nilai sisihan piawai di bawah nilai satu yang menunjukkan reaksi responden adalah tertumpu kepada tidak/kurang bersetuju terhadap item yang dikemukakan.

c) Kefahaman Terhadap Istilah-Istilah Teknikal Dalam Bahasa Melayu.

Jadual 7: Analisis Min Tahap Kefahaman Terhadap Istilah-Istilah Teknikal Dalam Bahasa Melayu..

Item	Min	Sisihan Piawai
ISTILAH KEJURUTERAAN AWAM		
1) Kerangka kemudi terbina (<i>built rudder frame</i>)	3.94	.60
2) Blok Binaan (<i>building block</i>)	4.33	.48
3) Aturcara Pengoptimuman bangunan (<i>building optimization program</i>)	3.84	.48
4) Garisan bangunan (<i>building line</i>)	4.11	.54
5) Sokong terbina dalam (<i>built-in-support</i>)	3.94	.45
ISTILAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL		
1) Persilangan berputar (<i>rotary intersection</i>)	3.89	.63
2) Injap Putaran (<i>rotary valve</i>)	4.09	.45
3) Penggerumitan berputar (<i>rotary swaging</i>)	4.17	.67
4) Momen dan daya putar (<i>rotary force and moment</i>)	4.09	.35
5) Peluncur sayap berputar (<i>rotary wing glider</i>)	4.09	.52
ISTILAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK		
1) Kitar haba(<i>thermocycle</i>)	4.41	.53
2) Unsur haba (<i>thermoelement</i>)	4.37	.52
3) Elektrik haba (<i>thermoelectric</i>)	4.33	.58
4) Pengganding suhu (<i>themometer</i>)	4.02	.46
5) Laras suhu (<i>thermostat</i>)	4.46	.64
Min dan sisihan piawai keseluruhan	4.1420	.2998

Nota: Istilah bahasa Inggeris di dalam kurungan tidak disertakan di dalam borang soal selidik.

Berdasarkan Jadual 7 di atas, jelas menunjukkan min keseluruhan dan setiap istilah teknikal yang dikemukakan kepada responden mempunyai nilai min yang melebihi 3.7. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa kesemua istilah tersebut adalah difahami oleh responden. Semua nilai sisihan piawai berada di bawah nilai 1 yang menunjukkan maklum balas responden adalah terfokus kepada memahami istilah-istilah teknikal yang dikemukakan di dalam soal selidik.

d) Kesedaran Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dalam Memperkasa Bahasa Melayu.

Jadual 8: Analisis Min Tahap Kesedaran Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dalam Memperkasa Bahasa Melayu.

Item	Min	Sisihan Piawai
Sebagai warganegara Malaysia, saya bertanggungjawab menguasai bahasa Melayu.	4.52	.50
Sebagai bakal pendidik saya perlu menguasai istilah teknikal dalam bahasa Melayu.	4.43	.50
Apabila bekerja saya akan menyampaikan ilmu teknikal dalam bahasa Melayu.	4.06	.56
Bahasa Melayu berkemampuan menjadi bahasa ilmu dalam bidang teknikal.	4.30	.46
Penguasaan pelajar dalam bidang teknikal dapat dicapai menerusi bahasa Melayu.	4.30	.54
Min dan sisihan piawai keseluruhan	4.3185	.3934

Jadual 8 di atas menunjukkan min bagi semua item dan setiap item berada dalam lingkungan 4.06 hingga 4.52. Ini menunjukkan responden mempunyai kesedaran untuk memperkasa bahasa Melayu dalam bidang teknik dan vokasional. Sisihan piawai berada di bawah nilai 1 yang menunjukkan maklum balas responden adalah terfokus kepada darjah persetujuan untuk memperkasa bahasa Melayu.

e) Perbezaan Persepsi Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional.

i) Perbezaan Persepsi Responden Berlainan Jantina, Pencapaian Dan Bangsa.

Jadual 9: Analisis Ujian T Terhadap Perbezaan Persepsi Responden.

	Penerimaan	Masalah	Istilah Teknikal	Kesedaran
Jantina	.788	.761	.064	.635
Tahap Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM	.135	.824	.737	.004
Bangsa	.004	.307	.249	.008

Nota: Angka dalam kotak ialah nilai signifikan hasil analisis Ujian T dua hujung.

Merujuk kepada Jadual 9 di atas, didapati kesemua nilai signifikan yang diperolehi hasil Ujian T adalah melebihi nilai alfa yang ditetapkan iaitu 0.025 (0.05/2). Oleh itu, Ho adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden berlainan jantina, tahap pencapaian bahasa Melayu peringkat SPM dan bangsa terhadap penerimaan, masalah, kefahaman istilah dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam Program Pendidikan Teknik dan Vokasional.

ii) Perbezaan Persepsi Responden Berlainan Pengkhususan(Minat).

Jadual 10: Analisis Ujian Anova Sehalu Terhadap Perbezaan Persepsi Responden.

	Penerimaan	Masalah	Istilah Teknikal	Kesedaran
Pengkhususan	.390	.222	.152	.599

Nota: Angka dalam kotak ialah nilai signifikan hasil analisis Ujian Anova Sehalu.

Merujuk kepada jadual 10 di atas, didapati kesemua nilai signifikan yang diperolehi hasil Ujian Anova Sehalu adalah melebihi nilai alfa yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh itu, Ho adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden berlainan pengkhususan (minat) terhadap penerimaan, masalah, kefahaman istilah dan kesedaran terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam Program Pendidikan Teknik dan Vokasional..

7.0 PERBINCANGAN DAN PENUTUP.

a) Perbincangan

Hasil daripada analisis statistik yang dijalankan terhadap data-data yang diperolehi, jelas menunjukkan bahasa Melayu mempunyai potensi dominan menjadi bahasa ilmu yang perkasa. Menariknya dalam pertemuan tersebut ialah walaupun pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional berada dalam lingkungan disiplin kejuruteraan yang dikuasai oleh bahasa Inggeris, mereka dapat mengadaptasi transformasi bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dalam kurikulum mereka. Tambahan pula, statistik menunjukkan tiada perbezaan persepsi dalam konteks penerimaan penggunaan bahasa Melayu dalam kurikulum yang diikuti, terutamanya di antara pelajar Melayu dan bukan Melayu.

Lazimnya menjadi asumsi istilah teknikal yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu sukar difahami oleh khalyak yang menerimanya. Namun, hasil kajian telah menunjukkan istilah-istilah teknikal daripada disiplin kejuruteraan dapat difahami dengan baik oleh para pelajar bidang teknik dan vokasional. Hakikatnya, mereka yang didedahkan ilmu menerusi bahasa ibunda mempunyai kekuatan memahami sesuatu makna istilah asing seperti yang diketengahkan oleh Prof. Madya Ajid Che Kob (2002) dalam Salbiah Ani (2002) iaitu pembelajaran awal dalam bahasa ibunda penting kerana mempunyai hubungan dengan minat dan kebolehan untuk memahami sesuatu makna.

Dapatan kajian juga mencerminkan ketidakwujudan masalah-masalah yang ketara apabila bahasa Melayu digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus teknik dan vokasional. Penemuan tersebut memberi satu perspektif bahawa pengembelengan inisiatif ilmuan dan sarjana dalam memperkasa bahasa Melayu mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan perjuangan mereka. Baik daripada segi penyampaian lisan mahupun sumber rujukan karya asli dan terjemahan, wadah mereka telah menyinarkan cahaya harapan memperkasa bahasa Melayu dalam bidang teknik dan vokasional di Malaysia. Oleh itu, walaupun bahasa Inggeris bakal mendominasi kurikulum sains dan matematik di Malaysia, gerak usaha memperkasa bahasa Melayu sewajarnya berkesinambungan dan tidak menjadi satu noktah.

Kelangsungan memperkasa bahasa Melayu dalam bidang teknik dan vokasional perlu dipergiat memandangkan tahap kesedaran pelajar yang mengikuti bidang tersebut berada di tahap terbaik untuk turut serta dalam usaha murni tersebut. Tambahan pula dapatan kajian menunjukkan terdapatnya kesepakatan antara pelajar-pelajar terbabit walaupun mereka berlainan jantina, tahap pencapaian dalam peperiksaan bahasa Melayu, pengkhususan (minat) dan bangsa.

b) Penutup.

Terkadang-kadang kita terlupa dalam mengejar arus industri dan teknologi maklumat, ada warisan yang kita keciciran. Jangan sampai kita sendiri hilang keyakinan kepada keupayaan bahasa Melayu sedangkan orang lain pula mengiktirafnya. Collins (1999) di dalam Abdul Rahman Arshad (2000) menyatakan bahawa bahasa Melayu sudahpun berdiri teguh sebagai bahasa kebangsaan bukan di dua buah negara malah di

empat buah negara. Oleh itu, sebagai pewaris dan pencinta khazanah bangsa, sewajarnya menjana usaha untuk memperkasa bahasa Melayu merentas pelbagai disiplin ilmu ke seantero dunia. Kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya!

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahman Arshad (2000). "Bahasa Melayu: Ke Mana?" Kertas Kerja Ucap Utama di Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf Baru 2000. UiTM.

Dewan Bahasa dan Pustaka (1997). Istilah Kejuruteraan. Kuala Lumpur.

Lendell, K (1997). Management by Menu. London: Wiley and Sons Inco..

Nik Safiah Karim (1990). Tatabahasa Dewan Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norizah Ardi (2000). "Bahasa Peguam: Aspek Yang Perlu Diberi Keutamaan." " Dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf Baru 2000. UiTM.

Nor Shah Mohamed (2001). "Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Dunia Informasi, Komunikasi Dan Teknologi (ICT): Isu dan Cabaran. Jabatan Perkhidmatan Awam.

Salbiah Ani (2002). "Teliti Semula Penggunaan Bahasa Inggeris." Berita Harian. 15 Jun 2002.

BIODATA PENULIS

- Nama : Ahmad bin Esa
Kelulusan : Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)
Sarjana Muda Ekonomi Dengan Keujian
Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu)
Alamat : Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO)
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia
E-mel : aneh98@hotmail.com
Jawatan : Pensyarah
Penerbitan : (2000). "Penguasaan Tatabahasa Di Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal: Satu Kajian Kes." Dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf Baru 2000. UiTM.
(2001). "Sastera dan Pendidikan Teknikal: Realiti, Gagasan dan Hambatan." Dalam Prosiding Persidangan Serantau Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu. UPM.
(2002). "Penguasaan Tatabahasa Di Kalangan Pensyarah Pelatih: Satu Kajian Kes." Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru 2002. UUM.
- Nama : Dr. Jailani bin Mohd. Yunus
Kelulusan : Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional)
Sarjana Sains (Teknologi Industri)
Sarjana Muda Sains(Teknologi Industri)
Alamat : Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO)
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia
E-mel : jailani@kuiittho.edu.my
Jawatan : Ketua Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional.
Penerbitan : (2000). "CGAC Roles And Vocational Students' Occupational Expectations." Kertas kerja di 'International Conference on Technical and Vocational Education. ITTHO.
(2002). "Membendung Gejala Pelajar Berisiko Tinggi Pada Awal Pengajian: Satu Pengalaman Di Institusi Pengajian Tinggi Awam." Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru 2002. UUM.
- Nama : Mohd. Yusop bin Ab. Hadi
Kelulusan : Sarjana Pengurusan Teknologi (Pembangunan Sumber Manusia)
Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)
E-mel : yusop@ittho.utm.my / yusop02@hotmail.com
Penerbitan : (2001). " Amalan Penggunaan Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar-Pelajar Aliran Teknikal di IPT: Satu Kajian Kes." Dalam Prosiding Persidangan Serantau Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu. UPM.
(2002). "Sumber Komputer Dan Sumber Pengetahuan Daripada Internet: Satu Kajian Kes Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Teknik Aliran Teknikal." Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Sains, Teknologi Dan Sains Sosial (Jilid 2). UiTM.
(2002). "Penerapan Konsep Sains, Teknologi Dan Masyarakat Dalam Pendidikan

Teknik Dan Vokasional.” Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Sains, Teknologi dan Sains Sosial (Jilid 1). UiTM.